



**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 4 TAHUN 2024**

**GARIS PANDUAN
PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH
(*OPEN DISTANCE LEARNING, ODL*)**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
6 Februari 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

6 Februari 2024

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 4 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN
PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH
(*OPEN DISTANCE LEARNING, ODL*)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-230 Bilangan 2/2024 yang bersidang pada 6 Februari 2024 telah meluluskan Garis Panduan Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh (*Open Distance Learning, ODL*).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) bertujuan untuk menerangkan kaedah pelaksanaan pemantauan ODL di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- 2.2 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen Kod Amalan: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA, 2013), Garis Panduan dan Piawaian Pengendalian Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (JPT) dan *e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs* (KPM, 2014).

2.3 Bagi program pasca siswazah, garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen Garis Panduan Penawaran Program Pasca Siswazah Secara Terbuka dan Jarak Jauh (Majlis Dekan Pengajian Siswazah, MDPS).

3.0 KEPUTUSAN SENAT

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan Garis Panduan Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh (*Open Distance Learning, ODL*) seperti di **Lampiran A**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 6 Februari 2024.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”



(SUHAILA SIDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 6 Februari 2024

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH (OPEN DISTANCE LEARNING, ODL)

1. Tujuan

Garis panduan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) bertujuan untuk menerangkan kaedah pelaksanaan pemantauan ODL di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen Kod Amalan: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA, 2013, 2019), Garis Panduan dan Piawaian Pengendalian Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (JPT) dan *e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs* (KPM, 2014). Bagi program pasca siswazah, garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen Garis Panduan Penawaran Program Pasca Siswazah secara Terbuka dan Jarak Jauh (Majlis Dekan Pengajian Siswazah, MDPS).

2. Definisi

- 2.1 Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) merujuk kepada penyampaian pembelajaran fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan.
 - 2.1.1 *Akses* bermaksud peluang yang disediakan kepada pelajar bagi mendapatkan pendidikan di mana sahaja, bila-bila masa dengan apa cara sekalipun dan bebas dari kekangan masa dan tempat.
 - 2.1.2 *Pelbagai mod* bermaksud penggunaan pelbagai kaedah penyampaian, pilihan pengendalian atau sumber pembelajaran yang disediakan.
- 2.2 Persamaan yang wujud antara pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran terbuka (walaupun tidak dianggap eksklusif) berkait rapat dengan kesetaraan penyampaian pembelajaran yang diamalkan. Justeru, terma Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL) diterima pakai dalam garis panduan ini.

3. Syarat Penawaran Program ODL

- 3.1 Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti yang diputuskan dalam Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil. 1/2012 hingga Bil. 3/2013 bertarikh **23 Mei 2014** memberi kebenaran Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang bukan berstatus terbuka untuk menawarkan program pengajian secara ODL dengan syarat terdapat program yang sama yang ditawarkan secara konvensional dan mendapat Akreditasi Penuh.
- 3.2 Dasar ini telah disusuli dengan Surat Makluman MQA Bil. 7/2018 bertarikh **7 November 2018** yang menyatakan bahawa PPT yang berhasrat untuk menawarkan program pengajian secara ODL perlu memastikan syarat-syarat Akreditasi Penuh program yang dijalankan secara konvensional dipatuhi termasuklah kepatuhan terhadap standard program yang berkaitan.
- 3.3 Mengambil kira ketersediaan PPT konvensional di Malaysia mengendalikan pembelajaran dalam talian sepenuhnya melalui pembangunan sistem dalam talian yang berstruktur, efisien dan efektif, MKSDJK KPT-MQA Bil. 3/2020 bertarikh **20 Oktober 2020** telah memutuskan bahawa PPT konvensional dibenarkan untuk menawarkan program pengajian dengan kaedah penyampaian secara ODL dengan memenuhi kriteria umum yang ditetapkan semasa proses pra-pendaftaran.
- 3.4 Walau bagaimanapun, program baharu juga boleh terus ditawarkan secara ODL mengikut dasar semasa dengan merujuk kepada Surat Makluman MQA Bil. 12/2020 bertarikh **29 Disember 2020**. Fakulti dibenarkan untuk menawarkan program pengajian dengan kaedah penyampaian secara ODL dengan memenuhi kriteria umum yang dinyatakan dalam surat makluman tersebut.

4. Kriteria Umum Penawaran Program ODL

Program baharu yang ditawarkan secara ODL atau program pengajian konvensional yang dibenarkan penawaran secara ODL hendaklah memenuhi kriteria umum yang dinyatakan seperti berikut:

4.1 Bidang 1: Pembangunan dan Penyampaian Program

- a) Program ODL hendaklah menyokong **visi, misi, matlamat dan Garis Panduan ODL UPSI** dalam menggalakkan pendemokrasian pendidikan melalui pembelajaran dalam talian secara global (*Globalised Online Learning, GOL*).
- b) Program ODL hendaklah dipertimbangkan hanya selepas kajian pasaran atau penilaian keperluan menunjukkan terdapat **permintaan** untuk program ditawarkan melalui mod ODL.
- c) **Pembangunan kurikulum** bagi program ODL hendaklah merujuk kepada pihak berkepentingan termasuk pakar ODL.
- d) Peratusan Pemberatan ODL berdasarkan program dan kursus:
 - i) Sesuatu program disifatkan sebagai program ODL jika **lebih daripada 60% daripada jumlah jam kredit** yang ditawarkan dalam program tersebut dijalankan secara terbuka dan jarak jauh.
 - ii) Jika bersesuaian dengan bidang, program secara ODL boleh dilaksanakan secara **100% dalam talian** tanpa perlu kehadiran pelajar ODL di UPSI.
 - iii) Sesuatu kursus disifatkan sebagai kursus ODL jika **sekurang-kurangnya 80% Masa Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time, SLT)** dilaksanakan secara terbuka dan jarak jauh.
- e) SLT bagi kursus ODL hendaklah disokong melalui:
 - i) *Interaksi Segerak (Synchronous)*: Merujuk kepada interaksi yang berlaku pada **masa yang nyata** di lokasi yang sama (bersemuka secara fizikal, *in person*) atau di lokasi yang berbeza (bersemuka secara dalam talian, *online*) melalui penggunaan teknologi. Sesi bersemuka boleh dijalankan melalui pelbagai modaliti sama ada secara maya atau fizikal. Namun kaedah yang dipilih perlu mengambil kira kekangan yang dihadapi oleh pelajar dan staf akademik.
 - ii) Bagi SLT interaksi segerak (*synchronous*), jam pertemuan yang dibuat adalah minimum empat kali pertemuan dalam talian

menggunakan apa-apa medium yang sesuai dalam satu semester bagi kursus yang menjalankan ODL. Setiap kursus mestilah mempunyai komponen minimum 25% secara bersemuka atas talian secara *synchronous* dengan masa nyata (Kod Amalan Program Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh Pasca Siswazah, 2018).

Simulasi pengiraan pertemuan interaksi segerak (*synchronous*)

| Jam Kredit Kursus | Jumlah Jam Perjumpaan | Peratus Interaksi secara <i>synchronous</i> berbanding keseluruhan Interaksi |
|-------------------|---------------------------------|--|
| 1 jam | 4 Jam (1 Jam setiap Interaksi) | 28.6% |
| 2 Jam | 8 Jam (2 Jam setiap Interaksi) | 28.6% |
| 3 Jam | 12 Jam (3 Jam setiap Interaksi) | 28.6% |
| 4 Jam | 16 Jam (4 Jam setiap Interaksi) | 28.6% |

Formula pengiraan peratus Peratus Interaksi secara *synchronous* berbanding keseluruhan Interaksi.

$$\text{Peratus Interaksi} = \frac{\text{jumlah pertemuan dalam talian}}{\text{Jumlah keseluruhan pertemuan}} = 28.6\%$$

- iii) *Interaksi Tidak Segerak (Asynchronous)*: Asynchronous merujuk kepada interaksi yang berlaku pada **masa yang berbeza** melalui penggunaan teknologi.
- f) Perkhidmatan Sokongan Pembelajaran yang perlu disediakan:

- i) Program ODL perlu menggunakan platform *Learning Management System* (LMS) yang dibangunkan oleh UPSI iaitu **MyGuru** di bawah kendalian Pusat ICT (PICT).
 - ii) Pusat Pembangunan Akademik (PPA) bertanggungjawab bekerjasama dengan pihak fakulti untuk merancang, mereka bentuk dan membangunkan Bahan Pembelajaran Instruksional Kendiri (*Self-Instructional Materials, SIM*).
 - iii) Fakulti perlu mempunyai SIM yang lengkap bagi semua kursus Semester 1 program ODL semasa mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara (*Partial Accreditation, PA*).
 - iv) Fakulti perlu mempunyai SIM yang lengkap bagi semua kursus Tahun 1 program ODL selepas menerima kelulusan Akreditasi Sementara dan Surat Kelulusan Pengendalian Program daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
 - v) Fakulti perlu mempunyai SIM yang lengkap bagi semua kursus program ODL semasa mengemukakan permohonan Akreditasi Penuh (*Full Accreditation, FA*).
 - vi) SIM yang dibangunkan bagi kursus ODL hendaklah bertujuan untuk membolehkan pelajar ODL **belajar secara sendiri** (pembelajaran sendiri) atau belajar sendiri secara bebas tentang sesuatu topik atau kandungan pembelajaran.
- g) Pemindahan kredit
- i) Pelajar ODL boleh memohon perpindahan kredit bergred bagi kursus lain yang telah lulus dan diikuti sama ada secara *Massive Open Online Course* (MOOC), dalam talian atau konvensional dengan syarat ianya sama aras dengan program pengajian yang diikuti dan **diluluskan Senat**.
 - ii) Pemindahan kredit yang dibenarkan hanyalah secara *horizontal* bagi program pascasiswazah.
 - iii) Pemindahan kredit secara **MOOC** mestilah merujuk kepada Garis Panduan Pindah Kredit MOOC.

- iv) Kelulusan pemindahan kredit adalah mengikut **Kaedah Akademik UPSI**.

4.2 Bidang 2: Penilaian Pelajar

- a) Universiti perlu membangunkan **mekanisme dan polisi penilaian** pelajar yang berstruktur.
- b) Fakulti perlu memantau **penyertaan pelajar ODL** dalam aktiviti pembelajaran dan penilaian melalui platform MyGuru.
- c) **Penilaian yang berbentuk lisan** yang memerlukan interaksi bersemuka seperti pembentangan individu, pembentangan berkumpulan, pembentangan kertas projek, proposal penyelidikan atau sesi pembentangan viva boleh dilaksanakan secara bersemuka sama ada secara konvensional atau menerusi platform dalam talian tertakluk kepada kesesuaian bidang dan peraturan UPSI.
- d) **Kekerapan, kaedah dan kriteria penilaian pelajar ODL**, termasuk kriteria penggredan dan dasar rayuan, mesti didokumenkan dan dimaklumkan kepada pelajar semasa permulaan program.
- e) **Pelaksanaan ODL** dengan menggunakan pelbagai kaedah penyampaian perlu mempunyai kaedah pemantauan agar penglibatan pelajar terus berlaku.
- f) **Penyelaras Program ODL** hendaklah menyediakan dan menyelia dokumentasi program ODL dengan mengambil kira perkara berikut:
 - i) Penggunaan pelbagai kaedah dokumentasi untuk memastikan pembelajaran dan pemantauan pelajar ODL.
 - ii) Pemantauan penglibatan pelajar ODL sepanjang semester.
 - iii) Penyediaan pelaporan dan dokumentasi penglibatan pelajar ODL yang dibuat berdasarkan sesi pembelajaran sepanjang semester.
- g) **Penglibatan pelajar ODL** hendaklah dilaksanakan melalui pelbagai kaedah pembelajaran yang lebih bermakna berbanding dengan sekadar kehadiran melalui *login-logout* seperti pertanyaan, refleksi, latihan penyelesaian masalah, penyempurnaan tugas mini, dan seumpamanya

yang memerlukan pelajar membuktikan pemahaman dan mengaplikasi ilmu yang dipelajari sepanjang sesi pembelajaran.

h) Pelaporan Penglibatan Pelajar:

- i) Setiap aktiviti pelajar perlu berlaku setiap minggu mengikut kandungan kursus yang telah ditetapkan bagi memastikan hasil pembelajaran tercapai.
- ii) Staf akademik perlu memastikan aktiviti pembelajaran sesuai mengikut kaedah penyampaian yang digunakan.
- iii) **Bilangan minimum aktiviti dan unit sesi pembelajaran** menurut kaedah penyampaian ODL yang dicadangkan adalah seperti berikut:

| KAEDAH PENYAMPAIAN ODL (tidak terhad kepada) | MOD | MINIMUM AKTIVITI | KAEDAH DOKUMENTASI/ PENGLIBATAN PELAJAR (tidak terhad kepada) |
|--|---------------|--|--|
| Pos | Tidak segerak | 1 aktiviti per minggu | Log Hantar/Terima Tugas |
| E-Mel | Tidak segerak | 1 aktiviti per minggu | Log Hantar/Terima Tugas |
| Media Sosial/Web .2.0 | Tidak segerak | 1 aktiviti per minggu | Log Masuk/Keluar, Log Hantar/Terima Tugas |
| Live Chat | Segerak | Tempoh Sebenar; 1 aktiviti per minggu | Log Masuk/Keluar, Rakaman, Export Text/Chat |
| LMS | Tidak Segerak | 1-2 aktiviti per minggu | Log Masuk/Keluar, Log Aktiviti, Forum, Log Hantar/Terima Tugas |
| Aplikasi Sidang Video | Segerak | Tempoh Sebenar; 1 aktiviti per minggu | Log Masuk/Keluar, Rakaman, Export Text/Chat |
| Media Sosial Langsung | Segerak | Tempoh Sebenar; 1 aktiviti per minggu | Log Masuk/Keluar, Rakaman, Export Text/Chat |

- i) Penyampaian dan pembelajaran secara ODL **tidak menekankan isu kehadiran sebaliknya menekankan penglibatan pelajar** terhadap aktiviti pembelajaran.
- j) Pemantauan terhadap penglibatan pelajar dengan aktiviti pembelajaran adalah yang paling utama dan perlu direkodkan agar **kualiti penyampaian dan pembelajaran** pelajar ODL tercapai.
- k) **Kaedah pentaksiran** bagi program ODL mestilah fleksibel dan memfokuskan kepada pentaksiran alternatif seperti pentaksiran berdasarkan prestasi (*performance-based assessment*), pentaksiran autentik (*authentic assessment*), pentaksiran ketersendirian (*personalised learning*), dan pentaksiran berasaskan portfolio. Pelaksanaan pentaksiran haruslah selaras dengan keperluan yang dinyatakan dalam standard bidang berkaitan yang ditetapkan oleh MQA.
- l) Fakulti perlu memastikan **Penjajaran konstruktif** digunakan sebagai salah satu kaedah penaksiran yang digunakan di dalam program ODL.
- m) Prosedur khusus bagi pelaksanaan **pentaksiran akhir pelajar ODL** yang disediakan perlu mengambilkira tempat yang melibatkan lokasi yang jauh dan serentak di pelbagai lokasi.

4.3 Bidang 3: Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar.

- a) Universiti hendaklah menawarkan **sesi orientasi, pembangunan atau pemulihan** yang sesuai untuk mendedahkan pelajar ODL kepada segala aspek ODL yang berkaitan termasuk menggalakkan pembelajaran sendiri dan membiasakan diri dengan perkhidmatan sokongan pembelajaran ODL.
- b) **Perkhidmatan sokongan pembelajaran** yang sesuai untuk pelajar ODL perlu disediakan termasuk pelajar baharu, pelajar sepenuh dan separuh masa, pelajar pertukaran dan pelajar berkeperluan khas.
- c) Pelajar ODL mesti mempunyai **akses kepada sokongan** yang sesuai dan mencukupi seperti prasarana fizikal (kampus), kemudahan sosial, urusan kewangan, kemudahan rekreasi, perkhidmatan dalam talian dan

perkhidmatan kaunseling hendaklah direka bentuk bagi memenuhi keperluan mereka.

- d) Peranan unit sokongan pelajar dengan staf akademik untuk pelajar ODL adalah sama pentingnya dengan pengalaman bersemuka. Fakulti perlu mempunyai **bilangan staf sokongan pentadbiran dan staf akademik** yang mencukupi termasuk reka bentuk pengajaran, penyunting, pereka grafik dan kakitangan sokongan ICT untuk menyokong pelaksanaan program dan aktiviti pembelajaran yang dijalankan secara dalam talian.
- e) Bagi program ODL yang memerlukan kehadiran pelajar secara fizikal, **Permohonan Pas Pelajar** adalah wajib berdasarkan Peraturan 13, Peraturan Imigresen 1963 dan pelajar dibenarkan masuk setelah mendapat kelulusan. Walau bagaimanapun, tiada keperluan pas pelajar bagi pelajar ODL antarabangsa yang tidak memerlukan kehadiran fizikal di UPSI.
- f) Pelajar ODL sangat digalakkan untuk mendapatkan **perlindungan insurans peribadi**. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab terhadap kemalangan yang menimpa pelajar semasa mengikuti program ODL di negara masing-masing selain daripada insuran pelajar ketika berada di UPSI.
- g) **Aktiviti kokurikulum** boleh dianjurkan untuk memperkayakan pengalaman pelajar, kemahiran insaniah pelajar dan untuk memupuk pembangunan peribadi dan tanggungjawab, di mana sesuai.
- h) Pelajar ODL bakal menghadapi **cabaran pembelajaran** yang khusus dan berbeza berbanding pelajar konvensional. Sokongan untuk pelajar ODL mesti mengambil kira pelbagai perkhidmatan termasuk teknikal, akademik dan peribadi.

4.4 Bidang 4: Staf Akademik

- a) Universiti perlu melantik **pakar ODL** yang terdiri dari sekumpulan staf akademik yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam menyediakan nasihat dan latihan tentang perancangan, pelaksanaan dan amalan program ODL.

- b) Fakulti hendaklah melantik **Penyelaras Kursus ODL** untuk mengendalikan pengajaran secara ODL bagi kursus ODL pada semester yang dilantik.
- c) **Tutor sambilan** berkelayakan boleh dilantik untuk mengendalikan sesi tutorial.
- d) Universiti perlu menyediakan **latihan kemahiran khusus dan berstruktur** yang melibatkan reka bentuk, penyampaian, strategi pengajaran dan pentaksiran ODL termasuk program pembangunan profesional staf (*Continuing Professional Development*, CPD) yang berterusan untuk memastikan staf akademik sentiasa peka dan mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan ODL.
- e) Universiti perlu menggalakkan **inovasi** dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian serta menyediakan alat atau medium untuk memantau aktiviti pembelajaran pelajar yang difikirkan perlu oleh penyelaras program ODL.
- f) Nisbah **staf akademik:pelajar ODL** mestilah bersesuaian dengan kaedah pembelajaran-pengajaran dan mematuhi standard program (jika berkenaan) untuk disiplin, mengambil kira keunikan dan fleksibiliti ODL.
- g) Fakulti perlu mempunyai **staf akademik yang mencukupi dan berkelayakan** yang bertanggungjawab melaksanakan program. **Sekurang-kurangnya 60% daripada staf akademik sepenuh masa** dalam satu-satu program tertentu dengan kelayakan akademik, pengkhususan dan beban kerja yang bersesuaian.
- h) Universiti hendaklah mempunyai **polisi dan prosedur untuk pengiktirafan** melalui kenaikan pangkat, kenaikan gaji atau imbuhan lain seperti insentif untuk memberi ganjaran kepada inovasi dalam ODL mestilah jelas, telus dan berdasarkan merit.

4.5 Bidang 5: Sumber Pendidikan

- a) Universiti perlu mempunyai **polisi e-pembelajaran** yang merangkumi aspek pemilihan dan penggunaan alat elektronik, rangkaian dalaman dan

luaran, e-kandungan dan aspek lain yang berkaitan seperti penggunaan teknologi maklumat untuk komunikasi dan pembelajaran.

- b) Universiti perlu mempunyai **kemudahan fizikal dan maya** (platform pembelajaran elektronik dan perpustakaan digital) dan sumber pendidikan yang mencukupi dan sesuai untuk memastikan penyampaian ODL yang berkesan, termasuk kemudahan untuk program yang perlu memenuhi komponen praktikal dan kemudahan untuk menjalankan penyelidikan untuk semua pelajar seperti pelajar baharu, pelajar pindahan masuk dan pelajar berkeperluan khas.
- c) Fakulti perlu menyediakan **bahan sokongan serta bimbingan** yang jelas selaras dengan keperluan dan tuntutan kepada pelajar dan staf akademik bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran secara mod ODL.
- d) Universiti hendaklah menyokong **aktiviti pengajaran dan pembelajaran** yang merangkumi kursus berasaskan komponen praktikal dan pengendalian peperiksaan di tapak terkawal (*proctored on-site examination*).
- e) Semua perkhidmatan sokongan pelajar mesti direka bentuk untuk **memenuhi sifat bukan kediaman pelajar ODL** dan mesti mengambil kira pelbagai perkhidmatan termasuk teknikal, akademik dan peribadi.
- f) Fakulti hendaklah memastikan **bahan pengajaran SIM** yang dibangunkan khusus bertujuan untuk membolehkan pelajar belajar secara sendiri (pembelajaran sendiri) atau belajar sendiri secara bebas tentang sesuatu topik atau kandungan. **Lampiran A** menjelaskan perihal SIM.

4.6 Bidang 6: Pengurusan Program

- a) Fakulti hendaklah melantik **Penyelaras Program ODL** yang mempunyai kelayakan akademik, pengkhususan dan beban kerja yang bersesuaian.
- b) **Pemilihan** Penyelaras Program ODL perlu dibuat dengan jelas dan telus.
- c) **Pelantikan** Penyelaras Program ODL adalah dibuat secara sepenuh masa.
- d) **Peranan** Penyelaras Program ODL adalah merancang, membangun, melaksana, mengurus, dan memimpin penawaran program ODL dan kursus ODL bagi semester penawaran.

- e) Fakulti hendaklah melantik **kakitangan pentadbiran** yang sesuai dan mencukupi untuk menyokong program ODL tersebut.
- f) **Latihan** yang betul dan bersesuaian perlu disediakan untuk melengkapkan pengetahuan dan kemahiran Penyelaras Program ODL dan kakitangan pentadbiran supaya mereka dipersiapkan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian.

4.7 Bidang 7: Pemantauan Program, Semakan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan

- a) **Pemantauan dan semakan** untuk program ODL hendaklah merangkumi elemen seperti sistem atau struktur ODL, bahan pembelajaran sendiri, sistem penyampaian, sistem komunikasi, perkhidmatan sokongan pelajar, kekuatan kewangan, sistem penilaian dan strategi pengajaran.
- b) Fakulti hendaklah memantau, menyemak dan menilai komponen kurikulum serta **kemajuan pelajar** ODL termasuk kebolehpasaran pelajar ODL dan prestasi akademik pelajar ODL.
- c) Fakulti hendaklah membentuk **Jawatankuasa Pemantauan dan Semakan** Program ODL secara dalaman. **Ketua** JK Pemantauan dan Semakan Program ODL yang dilantik bertanggungjawab untuk semakan berterusan ke atas kandungan program dan perkhidmatan sokongan pembelajaran ODL bagi memastikan kualiti penawaran program ODL menepati kod amalan untuk akreditasi program.
- d) Fakulti perlu mendapatkan **maklum balas daripada pemegang kepentingan** untuk menambah baik penyampaian hasil program.

5. Peranan dan Tanggungjawab:

5.1 Universiti

- a) Menggalakkan penawaran program ODL bagi program pra siswazah dan pasca siswazah.
- b) Menggalakkan inovasi dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian.

- c) Mempunyai polisi dan prosedur untuk pengiktirafan, insentif atau ganjaran kepada inovasi dalam ODL.
- d) Mempunyai polisi e-pembelajaran yang merangkumi aspek pemilihan dan penggunaan alat elektronik, rangkaian dalaman dan luaran, e-kandungan dan aspek lain yang berkaitan seperti penggunaan teknologi maklumat untuk komunikasi dan pembelajaran.
- e) Menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi kursus berasaskan komponen praktikal dan pengendalian peperiksaan di tapak terkawal (*proctored on-site examination*).
- f) Mempunyai kemudahan fizikal dan maya (platform pembelajaran elektronik dan perpustakaan digital) dan sumber pendidikan yang mencukupi dan sesuai untuk memastikan penyampaian ODL yang berkesan.
- g) Menyediakan akses sokongan yang sesuai dan mencukupi untuk persekitaran pembelajaran ODL bagi memenuhi keperluan pelajar ODL.

5.2 Pusat Pembangunan Akademik (PPA)

- a) Menjadi pusat rujukan prosedur penawaran dan pelaksanaan program ODL.
- b) Menghasilkan Garis panduan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) untuk tujuan pemakaian di UPSI.
- c) Bekerjasama dengan pihak fakulti untuk merancang, mereka bentuk dan membangunkan SIM.
- d) Menyediakan alat atau medium untuk memantau aktiviti pembelajaran pelajar menggunakan MyGuru.
- e) Menghasilkan mekanisme dan prosedur pentaksiran ODL.
- f) Mengawalselia pakar ODL yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam menyediakan nasihat dan latihan tentang perancangan, pelaksanaan dan amalan program ODL.
- g) Menyediakan latihan kemahiran khusus dan berstruktur yang melibatkan reka bentuk, penyampaian, strategi pengajaran dan pentaksiran ODL termasuk program CPD.

5.3 Fakulti

- a) Merancang dan melaksana penawaran program ODL dengan kerjasama pakar ODL yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam penggubalan kurikulum program ODL.
- b) Menawarkan sesi orientasi, pembangunan atau pemulihan yang sesuai untuk mendedahkan pelajar ODL kepada segala aspek ODL.
- c) Menyediakan SIM yang lengkap bagi permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.
- d) Melantik Penyelaras Kursus ODL.
- e) Melantik Penyelaras Program ODL.
- f) Memastikan staf akademik yang mencukupi dan berkelayakan dalam melaksanakan program ODL.
- g) Menyediakan bahan sokongan serta bimbingan yang jelas selaras dengan keperluan dan tuntutan kepada pelajar dan staf akademik.
- h) Melantik kakitangan pentadbiran yang sesuai dan mencukupi untuk menyokong program ODL.
- i) Melengkapkan pengetahuan dan kemahiran Penyelaras Program ODL dan kakitangan pentadbiran melalui latihan yang betul dan bersesuaian.
- j) Membentuk Jawatankuasa Pemantauan dan Semakan Program ODL secara dalaman.

5.4 Jawatankuasa Pemantauan dan Semakan Program ODL

- a) Melantik Ketua Jawatankuasa Pemantauan dan Semakan Program ODL.
- b) Melaksanakan semakan berterusan ke atas kandungan program dan perkhidmatan sokongan pembelajaran ODL bagi memastikan kualiti penawaran program ODL menepati kod amalan untuk akreditasi program.
- c) Mendapatkan maklum balas daripada pemegang kepentingan untuk menambah baik penyampaian hasil program.

5.5 Penyelaras Program ODL

- a) Merancang, membangun, melaksana, mengurus, dan memimpin penawaran program ODL dan kursus ODL bagi semester penawaran.

5.6 Penyelaras Kursus ODL

- a) Mengendalikan pengajaran secara ODL bagi kursus ODL pada semester yang dilantik.
- b) Memantau, menyemak dan menilai komponen kurikulum serta kemajuan pelajar ODL.
- c) Melaksana prosedur pentaksiran ODL bagi kursus ODL.

5.7 Pelajar ODL

- a) Melakukan persediaan rapi sebelum dan semasa mengikuti program ODL.
- b) Memohon perpindahan kredit bergred (jika berkaitan) dan diluluskan Senat.
- c) Mempunyai akses kepada sokongan yang sesuai dan mencukupi.
- d) Mendapatkan pas pelajar bagi mana-mana kursus ODL yang memerlukan kehadiran pelajar ODL secara fizikal.
- e) Mendapatkan perlindungan insurans peribadi semasa mengikuti program ODL di negara masing-masing.
- f) Melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum yang dianjurkan.

6. Cadangan Penggunaan Garis Panduan

Dicadangkan garis panduan ini digunapakai di UPSI bagi penawaran program pra siswazah dan pasca siswazah dalam mod ODL. Sebarang maklumat tambahan berkaitan penawaran program ODL yang diperlukan adalah merujuk kepada Kaedah Akademik UPSI (Perkara Akademik).

7. Rujukan

- a. Kod Amalan: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) 2013, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- b. Kod Amalan: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) Edisi Ke-2 2019, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- c. Garis Panduan dan Piawaian Pengendalian Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (JPT).
- d. e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs 2014 (KPM).
- e. Garis Panduan Penawaran Program Pasca Siswazah Secara Terbuka dan Jarak Jauh (Majlis Dekan Pengajian Siswazah, MDPS).
- f. Kod Amalan Program Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh Pasca Siswazah (Sekolah Pengajian Siswazah) 2018, Universiti Teknologi Malaysia.

Ahli Jawatankuasa

1. PM Dr. Maizatul Hayati Mohamad Yatim, Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi
2. PM Dr. Normah Jusoh, Pusat Pembangunan Akademik / Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
3. PM Dr. Annie A/P Gorgey, Pusat Pembangunan Akademik / Fakulti Sains dan Matematik
4. Dr. Siti Nor Amalina binti Ahmad Tajuddin, Fakulti Bahasa dan Komunikasi
5. Dr. Samsuddin bin Abd Hamid, Fakulti Sains Kemanusiaan
6. Dr. Noor Anida Zaria binti Mohd Noor, Pusat Pembangunan Akademik / Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi
7. Dr. Amelia binti Mohd Noor, Pusat Pembangunan Akademik / Fakulti Pembangunan Manusia
8. Encik Muhammad Hilmi Bin Che Ahamad, Fakulti Bahasa dan Komunikasi

BAHAN PEMBELAJARAN INSTRUKSIONAL KENDIRI (Self-Instructional Materials, SIM)

1. Definisi SIM:

Bahan pengajaran yang dibangun khusus bertujuan untuk membolehkan pelajar belajar secara sendiri (pembelajaran sendiri) atau belajar sendiri secara bebas tentang sesuatu topik atau kandungan.

2. Tujuan Penyediaan SIM:

Di antara tujuan penyediaan SIM adalah seperti berikut:

- a) Sebagai satu mekanisme atau sistem di mana semua bentuk interaksi dan penyampaian disepadukan.
- b) Sebagai satu langkah penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk pembelajaran sendiri.
- c) Sebagai satu usaha dalam reka bentuk dan pembangunan SIM oleh sekumpulan pereka instruksional yang dilantik.
- d) Sebagai satu usaha penyediaan platform pembelajaran elektronik (dalam talian) untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dan pengajaran.

3. Ciri-Ciri SIM:

Di antara ciri-ciri SIM adalah seperti berikut:

a) *Pembelajaran Kendiri (self-learning)*

Pelajar belajar secara berdikari tanpa arahan secara langsung daripada staf akademik. Maksudnya pelajar ODL boleh menggunakan apa sahaja bahan yang diberikan oleh Penyelaras Kursus ODL dan mengikut garis panduan (arahan) yang diberikan bersama bahan tersebut. Garis panduan (arahan) dan penerangan khusus tentang tugas yang perlu diselesaikan dihebahkan menggunakan platform e-pembelajaran UPSI iaitu MyGuru.

b) *Motivasi Kendiri (self-motivational)*

Pelajar ODL diharapkan mempunyai motivasi dalaman dalam pembelajaran mereka berbanding melakukan sesuatu untuk kepentingan gred, ganjaran dan lain-lain. Pelajar ODL harus belajar untuk menikmati proses pembelajaran atau melakukan sesuatu tanpa mengharapkan sebarang ganjaran.

c) *Penjelasan Kendiri (self-explanatory)*

Arahan dan penerangan yang diberikan kepada pelajar ODL mestilah jelas untuk menerangkan apa yang pelajar ODL perlu lakukan berdasarkan bahan yang diberikan.

d) *Terarah Kendiri (self-directed)*

Bahan pengajaran sendiri mestilah menarik, interaktif, reflektif dan mampu menarik minat pelajar ODL untuk melibatkan diri dalam sebarang tugas yang diberikan dengan bahan yang diberikan.

e) *Serba Lengkap (self-contained)*

Bahan-bahan yang disediakan hendaklah mencukupi untuk digunakan dalam pembelajaran dan menyelesaikan sebarang tugas atau penilaian.

f) *Penilaian Kendiri (self-evaluating)*

Penilaian yang membantu pelajar ODL menilai pemahaman mereka tentang sesuatu topik berdasarkan bahan pembelajaran sendiri yang diberikan kepada mereka.

4. Penyediaan SIM:

Di antara penyediaan SIM yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

4.1 SIM untuk program ODL mesti disediakan dengan **cara** berikut:

- a) menerima pakai bahan sedia ada (*adopting*);
- b) menyesuaikan bahan sedia ada (*adapting*);
- c) mencipta bahan asli (*creating*); atau
- d) mana-mana pendekatan lain yang sesuai.

4.2 Universiti harus mempertimbangkan aspek **hak harta intelek dan dasar pelesenan** untuk bahan pembelajaran, objek pembelajaran dan inovasi SIM yang digunakan dan yang dihasilkan sendiri. Undang-undang hak cipta dan amalan terbaik hendaklah digubal, disebar luas dan dipatuhi bagi menjamin kualiti penghasilan dan pemilihan SIM bagi satu-satu kursus.

4.3 Sumber SIM boleh disediakan dalam pelbagai format (tidak terhad kepada):

- a) rakaman video.
- b) rakaman audio (podcast).
- c) rakaman skrin.
- d) persembahan berbentuk penceritaan (*narrated presentation*).
- e) alatan animation/Web 2.0 (contoh: Powtoon, Prezi dan sebagainya).
- f) simulation (realiti maya/realiti berperantara/realiti tergabung/realiti pengalaman, VR/AR/MR/XR).
- g) syarahan dalam/luar kelas (*classroom lecture*).
- h) kandungan interaktif.
- i) video temu bual.
- j) video praktikal/makmal.
- k) rakaman lawatan industri.

4.4 Struktur kandungan SIM (tidak terhad kepada):

- a) Tajuk
- b) Pengenalan
- c) Senarai kandungan
- d) Hasil Pembelajaran
- e) Sumber yang diperlukan untuk unit/topik
- f) Aktiviti untuk pembelajaran sendiri
- g) Penilaian

GLOSARI

Akses

Peluang yang disediakan kepada pelajar bagi mendapatkan pendidikan di mana sahaja, bila-bila masa dengan apa cara sekalipun dan bebas dari kekangan masa dan tempat.

Tidak Segera (*asynchronous*)

Interaksi yang berlaku pada masa yang berbeza melalui penggunaan teknologi. Antara teknologi yang boleh digunakan bagi interaksi tidak segera adalah LMS, papan e-buletin, emel, pelantar media sosial, rakaman video pembelajaran dan sebagainya.

Bahan Pembelajaran Instruksional Kendiri (*Self-Instructional Materials, SIM*)

Bahan pengajaran yang dibangunkan khusus bertujuan untuk membolehkan pelajar belajar secara sendiri (pembelajaran sendiri) atau belajar sendiri secara bebas tentang sesuatu topik atau kandungan.

Sistem Pengurusan Pembelajaran (*Learning Management System, LMS*)

Perisian aplikasi berasaskan web yang digunakan untuk mengurus pembelajaran secara dalam talian, memudahkan hebahan pengumuman, memantau hasil pembelajaran, menyediakan ruangan komunikasi secara forum, mengumpul bahan-bahan yang diterima daripada pelajar secara dalam talian.

Fleksibel

Pilihan yang tersedia bagi mendapatkan pendidikan di mana sahaja, bila-bila masa dan dengan apa cara sekalipun.

Kursus ODL

Kursus yang dilaksanakan secara terbuka dan jarak jauh yang mempunyai sekurang-kurangnya 80% Masa Pembelajaran Pelajar (SLT).

Masa Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time, SLT*)

Masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti pembelajaran yang digunakan untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan secara interaksi segera atau tidak segera melalui LMS, SIM dan perkhidmatan sokongan pembelajaran lain.

Pakar ODL

Sekumpulan staf akademik yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam menyediakan nasihat dan latihan tentang perancangan, pelaksanaan dan amalan program ODL.

Pelajar ODL

Pelajar UPSI bertaraf sepenuh masa, separuh masa, berkeperluan khas atau pelajar yang memohon pemindahan kredit yang mengikuti Program ODL.

Pelbagai Mod

Penggunaan pelbagai kaedah penyampaian, pilihan pengendalian atau sumber pembelajaran yang disediakan.

Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*)

Penyampaian pembelajaran fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan.

Penyelaras Kursus ODL

Staf akademik yang dilantik di peringkat fakulti untuk mengendalikan pengajaran secara ODL bagi kursus ODL pada semester yang dilantik.

Penyelaras Program ODL

Staf akademik UPSI sepenuh masa yang berkecualan, komited dan bertanggungjawab untuk membangun, melaksana, mengurus, dan memimpin penawaran serta pengurusan ODL bagi satu-satu program.

Program ODL

Program baharu yang ditawarkan secara ODL atau program pengajian konvensional yang dibenarkan penawaran secara ODL. Sesuatu program pengajian disifatkan sebagai program ODL jika lebih daripada 60% daripada bilangan kursus yang ditawarkan dalam program tersebut dijalankan secara terbuka dan jarak jauh.

Staf Akademik

Kakitangan akademik UPSI yang dilantik secara tetap/ kontrak/ sambilan yang dilantik dengan jawatan Pensyarah/Guru/Tenaga Pengajar/Tutor/ Penunjukajar/Instruktur yang bertanggungjawab dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Staf akademik bertanggungjawab mengendalikan sesi bersemuka secara bersemuka dan/ atau dalam talian.

Segerak (*synchronous*)

Interaksi yang berlaku pada masa yang nyata di lokasi yang sama (bersemuka secara fizikal, *in person*) atau di lokasi yang berbeza (bersemuka secara dalam talian, *online*) melalui penggunaan teknologi. Antara teknologi yang boleh digunakan bagi interaksi segerak adalah Google Hangout, Google Meet, YouTube Live, Facebook Live, Skype Zoom Meeting, Teams Meeting dan sebagainya.

